



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	6/1/2012

# Dr M anggap PKR gugat institusi kehakiman

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan Parti Keadilan Rakyat (PKR) menganjurkan perhimpunan di depan bangunan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Isnin ini, menggugat institusi kehakiman negara untuk membebaskan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dari tuduhan liwat.

Bekas Perdana Menteri berkata 'Kempen Bebaskan Anwar' itu juga bertujuan menggerakkan sentimen rakyat supaya membenci kerajaan dengan menggambarkan seolah-olah institusi kehakiman dan perundangan negara dipengaruhi.

Katanya, ia tidak sejajar dengan perjuangan pembangkang yang mencanang kononnya memperjuangkan demokrasi kerana jelas mencabul kedaulatan undang-undang selain mengundang bahaya kepada negara dalam jangka panjang.

"Mereka nak cuba pengaruhi

mahkamah. Kita tidak harus cuba pengaruhi mahkamah dengan cara ugutan.

"Umpamanya, bila mahkamah buat keputusan untungkan mereka, mereka tidak adakan demonstrasi. Bila nampak (keputusan mungkin tidak memihak kepada mereka), belum pun buat keputusan mereka cuba nak ugut supaya mahkamah takut dengan tuduhan dan sebagainya seperti mereka (mahkamah) gagal jalankan tugas. Ini tak kena.

"Kalau kita (pembangkang) kata mengamalkan demokrasi, kita kena tunjuk yang kita menghormati kedaulatan undang-undang.

"Mereka yang cakap sangat mengenai (kepentingan memperkasakan) kedaulatan undang-undang. Ini (menghormati) undang-undang atau konspirasi," katanya ketika mengulas hasrat pakatan pembangkang untuk meneruskan perhimpunan haram itu walaupun dilarang pihak berkuasa.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ucapan pada edisi ketiga Forum Kelab Pegawai-Pegawai Pesara Angkatan Tentera (RAFOC) di Auditorium, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, yang dihadiri kira-kira 200 ahli RAFOC, termasuk Presidennya, Jeneral (B) Tan Sri Mohd Ghazali Mohd Seth dan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera, Mejar Jeneral Datuk Zulkiflee Mazlan.

Dr Mahathir yang juga Presiden Yayasan Kepimpinan Perdana berkata, tindakan mengugut itu hanya akan mengundang bahaya jika semua pihak bertindak membuat demonstrasi jalanan setiap kali tidak puas hati dalam sebarang perkara.

Beliau juga menyifatkan tindakan PKR selaku penganjur yang tidak melarang ibu bapa daripada membawa anak mereka memperlihatkan sikap pihak terbabit yang

sanggup memperalatkan sesiapa saja bagi memenuhi agenda mereka.